

15/03/2000

Malaysia terpilih anjur persidangan

MALAYSIA diberi penghormatan menganjurkan sidang puncak Polisi Perisian (SPS) yang julung kali diadakan di Asia pada 10 hingga 12 April ini di Kuala Lumpur.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, penghormatan yang diberikan itu kerana komitmen tinggi kerajaan untuk memastikan kegiatan cetak rompak perisian dapat dibanteras.

"Kerajaan ingin melihat perkembangan sihat industri perisian tempatan bagi memastikan perancangan negara memasuki era siber tidak terjejas terutamanya dengan penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC)," katanya di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar bagi mengumumkan persidangan berkenaan. Turut hadir ialah Pengarah Polisi Awam Business Software Alliance (BSA), Laura Sallstrom.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menyampaikan ucap tama di persidangan berkenaan. Seramai 300 peserta dalam dan luar negara dijangka menghadiri seminar selama tiga hari itu.

(END)